

BIL. 3 TAHUN 1992

ENAKMEN JENAYAH (SYARIAH) 1992

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kecualian hak-hak prerogatif.

BAHAGIAN II

PENGECUALIAN AM

4. Perbuatan kanak-kanak yang belum akil baligh.
5. Perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal.
6. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dijustifikasi oleh undang-undang.
7. Perbuatan yang seseorang terpaksa melakukan oleh kerana ugutan.

BAHAGIAN III

KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN AQIDAH

8. Pemujaan.
9. Ajaran atau amalan salah.
10. Dakyah agama, dll.
11. Dakwaan Palsu.
12. Mendakwa bukan Islam.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN MARUAH AGAMA DAN INSTITUSINYA

13. Perbuatan atau perkataan murtad.
14. Mencela, menghina dsb., Agama Islam.
15. Mempersenda dsb., ayat al-Quran atau Hadith.
16. Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

17. Mengeji atau menghina undang-undang.
18. Ingkar perintah Mahkamah.
19. Hasutan meninggalkan kewajipan agama.
20. Ingkar perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan.
21. Pendapat berlawanan dengan fatwa.
22. Penerbitan agama yang berlawanan dengan Hukum Syara'.
23. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.
24. Tidak menghormati Ramadhan.
25. Tidak membayar zakat atau fitrah.
26. Berjudi.

BAHAGIAN V

PELBAGAI KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN KEADILAN DAN KETENTERAMAN AWAM

27. Memberi keterangan, maklumat atau pernyataan palsu.
28. Takfir.
29. Menggalak maksiat.
30. Melarikan perempuan bersuami atau menghalang suami isteri daripada duduk bersama.
31. Menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri supaya bercerai atau ingkar.
32. Melarikan perempuan.
33. Menjual atau memberi anak.
34. Anak dara lari daripada jagaan.
35. Mengganggu perhimpunan atau upacara agama.
36. Membinasa atau mencemar tempat ibadat.

JENAYAH (SYARIAH)

37. Kata-kata yang boleh memecah keamanan.
38. Mendirikan masjid tanpa kebenaran.
39. Kerahsiaan.
40. Membayar zakat atau fitrah secara tak sah.
41. Memungut zakat atau fitrah secara tak sah.
42. Amil tidak menyerah pungutan.
43. Pungutan tanpa kebenaran.
44. Salah guna harta Baitulmal, dsb.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN MARUAH DIRI

45. Perhubungan muabbad dan ghairu muabbad.
46. Melacurkan diri.
47. Melacurkan isteri atau anak.
48. Persetubuhan haram.
49. Percubaan persetubuhan haram.
50. Hamil luar nikah.
51. Bersekedudukan.
52. Qazaf.
53. Musahaqah.
54. Khalwat.
55. Lelaki berlagak seperti perempuan.
56. Mendedahkan tubuh di tempat awam.
57. Perbuatan tak sopan.
58. Mengacau.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

59. Minuman yang memabukkan.
60. Membuat, menjual, dsb., minuman yang memabukkan.

BAHAGIAN VII
PERKARA-PERKARA AM

61. Menyubahati sesuatu perkara.
62. Menyubahati dalam Negeri kesalahan di luar Negeri.
63. Hukuman bagi pensubahatan.
64. Tanggungjawab pensubahat bila perbuatan yang lain dilakukan.
65. Percubaan melakukan kesalahan.
66. Kesalahan yang tidak ditetapkan atau yang baginya tidak diperuntukkan hukuman.
67. Sanksi dan kebenaran mendakwa.
68. Pemansuhan.

BIL. 3 TAHUN 1992

BETA PERKENANKAN,

(RAJA NAZRIN SHAH),
Pemangku Raja Perak

(Mohor Kerajaan)

13hb Januari 1993

Suatu Enakmen bagi memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan jenayah yang ditetapkan ke atas orang-orang Islam dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[19 Februari 1993]

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undang-undang Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

- | | |
|--|--|
| <p>1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Jenayah (Syariah) 1992.</p> <p>(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, Enakmen ini hendaklah terpakai bagi semua orang Islam yang berada di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.</p> <p>2. (1) Dalam Enakmen ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—</p> <p style="padding-left: 20px;">"akil baligh" ertinya telah cukup umur mengikut Hukum Syara';</p> | <p>Tajuk
ringkas dan
pemakaian.</p> <p>Tafsiran.</p> |
|--|--|

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

"anak dara" ertinya seorang perempuan yang belum pernah bersetubuh sama ada dia telah berkahwin atau belum;

"bersekedudukan" ertinya tinggal atau duduk bersama antara lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya selain daripada isteri atau suami masing-masing dalam satu rumah, bilik atau tempat dalam hal-keadaan yang mendatangkan syak bahawa persetubuhan haram berlaku antara mereka;

"ghairu muabbad" ertinya haram nikah buat sementara;

"Hakim" ertinya Hakim mana-mana Mahkamah Syariah;

"li'an" maksudnya keadaan di mana seseorang lelaki dengan lafaz sumpah mengikut Hukum Syara' menuduh isterinya melakukan persetubuhan haram;

"Mahkamah Syariah" atau "Mahkamah" ertinya mana-mana Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri;

"Majlis" ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak;

"muabbad" ertinya haram nikah buat selama-lamanya;

"musahaqah" ertinya perhubungan seks sejenis antara perempuan dengan perempuan;

"percubaan persetubuhan haram" ertinya perbuatan-perbuatan yang dilakukan bersama oleh lelaki dan perempuan yang mendorong mereka kepada persetubuhan haram;

"perempuan bersuami" ertinya seseorang perempuan yang telah bernikah dan dia masih di dalam nikahnya lagi;

"persetubuhan haram" ertinya persetubuhan selain daripada rogol dan persetubuhan syubhah antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan suami-isteri;

"persetubuhan syubhah" ertinya persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (fasid) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuklah mana-mana persetubuhan yang tidak boleh dihukum Had dalam Islam;

JENAYAH (SYARIAH)

"sumbang" ertinya suatu perbuatan atau siri perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syara' antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang ditegah berkahwin;

"takfir" ertinya mengkafirkan orang Islam;

"thayyib" ertinya seorang perempuan yang belum berkahwin tetapi pernah bersetubuh.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditafsir di dalamnya tetapi ditafsirkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Enakmen tersebut.

Enak. 2/92.

(3) Jika timbul sebarang kekeliruan atau kecaburan dalam memberi tafsiran sesuatu perkataan atau ungkapan berhubungan dengan Hukum Syara', maka adalah menjadi budi bicara Mahkamah untuk menentukan tafsiran perkataan dan ungkapan tersebut.

3. Kecuali diperuntukan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa istimewa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam bagi Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

Kecualian
hak-hak
prerogatif.

BAHAGIAN II

PENGECUALIAN AM

4. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum akil baligh.

Perbuatan
kanak-kanak
yang belum
akil baligh.

5. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang, pada masa melakukannya, oleh sebab akalnya tidak sempurna, tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu, atau bahawa apa yang dilakukannya adalah salah atau berlawanan dengan undang-undang.

Perbuatan
seseorang
yang tidak
sempurna
akal.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dijustifikasi kasikan oleh undang-undang.

6. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa yang dilakukan oleh seseorang yang dijustifikasikan oleh undang-undang pada melakukannya, atau oleh kerana silapfaham fakta dan bukannya oleh kerana silapfaham undang-undang dengan suci hati percaya dirinya sebagai dijustifikasikan oleh undang-undang melakukannya.

Perbuatan yang seseorang terpaksa melakukan oleh kerana ugutan.

7. Tiada menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa melakukannya oleh kerana ugutan, yang, tatkala melakukannya, munasabah menyebabkan ketakutan bahawa jika ia tidak dilakukan akibatnya dia akan mendapat kematian serta merta:

Dengan syarat bahawa orang yang melakukan perbuatan itu tidak meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu sama ada dengan kemahuannya sendiri, atau oleh kerana suatu ketakutan yang munasabah akan apa-apa kerosakan kepada dirinya selain daripada kematian serta merta.

Huraian 1-Seseorang yang memasuki sesuatu kumpulan yang menganuti ajaran salah atas kemahuannya sendiri setelah mengetahui pegangan mereka atau atas sebab ugutan akan dipukul, tidak berhak mendapat faedah daripada kecualian ini atas alasan yang dia telah dipaksa oleh kumpulan tersebut yang dia sekutui melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang.

Huraian 2-Seseorang yang ditangkap oleh sekumpulan pelampau agama dan dipaksa dengan ugutan kematian serta merta supaya melakukan perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang - umpamanya membakar masjid - adalah berhak mendapat faedah daripada kecualian ini.

JENAYAH (SYARIAH)

BAHAGIAN III

KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN AQIDAH

- 8.** Sesiapa yang memuja atau menyebabkan dipuja mana-mana pantai, pokok, padang, kubur, hutan, bukit, atau apa-apa benda lain atau mana-mana orang dengan apa jua cara atau bagi apa-apa tujuan yang berlawanan dengan Hukum Syara' adalah bersalah atas sesuatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya alat-alat, bangunan atau binaan yang digunakan bagi pemujaan itu dimusnahkan.
- 9.** Sesiapa yang mengajar agama, menghuraikan perkara yang sama kepada seseorang atau sekumpulan orang di tempat awam atau sebaliknya atau menjalankan sesuatu upacara atau sesuatu perbuatan, yang berlawanan dengan Hukum Syara' adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan segala dokumen dan peralatan yang berkaitan dengan sabitan itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah.
- 10.** Sesiapa yang mendakyah ajaran atau kepercayaan selain daripada ajaran atau kepercayaan agama, Agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- 11.** Sesiapa yang mengaku dirinya atau orang lain itu nabi, Imam Mahadi atau wali atau berlagak atau mengeluarkan kata-kata atau mengakui bahawa dia atau orang lain itu mengetahui kejadian ghaib dengan dakwaan palsu dan bertentangan dengan ajaran Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemujaan.

**Ajaran
atau
amalan
salah.**

**Dakyah
agama dll.**

**Dakwaan
palsu.**

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

**Mendakwa
bukan
Islam.**

12. Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam untuk mengelakkan dirinya daripada diambil apa-apa tindakan di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN MARUAH AGAMA DAN INSTITUSINYA

**Perbuatan
atau
perkataan
murtad.**

13. Seseorang Islam yang dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar daripada Agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam adalah melakukan suatu kesalahan mempersendakan Agama Islam dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Mencela,
menghina
dsb.
Agama
Islam.**

14. Sesiapa yang dengan perkataan, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan isyarat, atau dengan pernyataan zahir, atau dengan apa-apa perbuatan, aktiviti atau kelakuan, atau selainnya dengan apa cara jua pun -

- (i) mencela atau disifatkan sebagai menghina atau cuba mencela atau menghina Agama Islam; atau

JENAYAH (SYARIAH)

- (ii) mempersenda, mengajuk atau mengejek-ejek akan amalan atau upacara yang berkaitan dengan Agama Islam,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

15. Sesiapa yang mempersenda, mencela, mengejek-ejek atau menghina dengan perkataan atau perbuatan akan ayat-ayat Al-Quran atau Hadith adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Mopersenda
dsb. ayat
al-Quran
atau Hadith.**

16. Sesiapa yang menghina kewibawaan atau ingkar, melanggar atau membantah titah perintah atau arahan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Menghina atau
mengingkari
pihak berkuasa
agama.**

17. Sesiapa yang mengeji atau menghina mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan Agama Islam yang berkuat kuasa di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Mengeji atau
menghina
undang-
undang.**

18. Sesiapa yang ingkar, melanggar, membantah, mengeji, menghina atau enggan mematuhi mana-mana perintah Hakim atau Mahkamah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Ingkar
perintah
Mahkamah.**

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

**Hasutan
meninggal
kan
kewajipan
agama.**

19. (1) Seseorang yang menghasut atau memujuk mana-mana orang yang beragama Islam supaya tidak menghadiri masjid atau pengajaran agama atau apa-apa upacara agama adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang dengan apa jua cara menahan atau menghasut orang lain daripada membayar zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Ingkar
perintah
Duli Yang
Maha
Mulia**

20. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, sebagai Ketua Agama Islam Negeri, mengeluarkan apa-apa perintah, dari semasa ke semasa, berkaitan dengan apa-apa perkara khusus yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara':

Dengan syarat bahawa perintah itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Sesiapa yang tidak mematuhi perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pendapat
berlawanan
dengan
fatwa.**

21. Sesiapa yang memberi, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat berupa fatwa untuk diikuti oleh orang Islam mengenai apa-apa soalan,

JENAYAH (SYARIAH)

ajaran Islam atau Hukum Syara' yang berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah oleh Mufti adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pendapat itu, jika bertulis, hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah, dan penerbitannya, penjualannya, dan pengedarannya hendaklah dilarang.

22. Mana-mana orang yang mencetak, menerbit, mengeluarkan, merakam, mengedarkan atau dengan apa-apa cara menyebar atau yang ada dalam miliknya sesuatu buku, risalah, dokumen atau apa jua bentuk rakaman yang memberi atau bertujuan untuk memberi pengajaran atau pendapat mengenai apa-apa perkara Hukum Syara', jika buku, risalah, dokumen atau rakaman itu mengandungi perkara yang berlawanan dengan Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan segala buku, risalah, dokumen, rakaman sedemikian atau alat-alat percetakan, penerbitan, perakaman atau penyebaran tiap-tiap perkara yang mengenainya itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah.

Penerbitan agama yang berlawanan dengan Hukum Syara'.

23. Seseorang lelaki yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie dan tanpa sebab-sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

Tidak menghormati Ramadhan— **24.** Seseorang yang pada siang hari di dalam bulan Ramadhan—

- (a) menjual apa-apa makanan, minuman atau tembakau kepada seseorang yang beragama Islam untuk dimakan, diminum atau dihisap dengan serta merta; atau
- (b) dengan terang-terang atau di tempat awam didapati sedang makan, minum atau menghisap tembakau,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tidak membayar zakat atau fitrah.

25. (1) Sesiapa yang dikenakan membayar apa-apa zakat atau fitrah enggan atau dengan sengaja gagal untuk membayar zakat atau fitrah itu adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Sabitan di bawah seksyen ini hendaklah tidak berkuasa untuk menghapuskan liabiliti tersebut.

Berjudi.

26. (1) Sesiapa yang berjudi atau didapati hadir di tempat berjudi sama ada dia melakukan perjudian atau tidak adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) "tempat berjudi" ertiannya mana-mana

JENAYAH (SYARIAH)

premis sama ada terbuka atau pun tertutup dan termasuklah bilik, pejabat atau gerai sama ada orang awam atau ahli-ahli tertentu yang mempunyai hak untuk memasukinya, mengguna atau menyimpan untuk permainan apa-apa permainan yang berbentuk nasib atau percampuran antara nasib dan kemahiran sama ada secara sah atau sebaliknya untuk wang atau faedah kewangan.

BAHAGIAN V

PELBAGAI KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN KEADILAN DAN KETENTERAMAN AWAM

27. (1) Sesiapa yang dengan sengaja memberi keterangan palsu, atau mereka keterangan palsu keterangan, bagi maksud digunakan pada mana-mana peringkat atau prosiding kehakiman, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Memberi keterangan maklumat atau pernyataan palsu.

(2) Sesiapa yang tahu atau yang ada sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan, memberi apa-apa maklumat berhubungan dengan kesalahan itu, yang dia tahu atau percaya sebagai palsu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Sesiapa yang memberi maklumat atau pernyataan palsu sama ada secara lisan atau bertulis mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan Agama Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

Takfir.

28. Seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada secara lisan atau bertulis, atau melalui isyarat, atau melalui apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelola, menggalak atau memperaturkan apa-apa kegiatan, atau selainnya dengan apa cara pun, bahawa mana-mana orang yang menganuti Agama Islam, atau orang-orang dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang-orang yang menganuti Agama Islam—

- (i) adalah orang kafir;
- (ii) telah berhenti menganuti Agama Islam;
- (iii) tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima, sebagai menganuti Agama Islam; atau
- (iv) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam Agama Islam,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa seksyen ini hendaklah tidak terpakai bagi—

- (a) apa-apa perkara yang dilakukan oleh mana-mana pihak berkuasa agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang diberi kuasa untuk memberi atau mengeluarkan apa-apa fatwa atau keputusan atau apa-apa perkara mengenai Agama Islam; dan
- (b) apa-apa perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa fatwa atau keputusan yang diberi atau dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama itu, sama ada fatwa atau keputusan itu adalah secara bertulis atau pun tidak, atau jika secara bertulis, sama ada ia disiarkan dalam *Warta* atau pun tidak.

JENAYAH (SYARIAH)

29. Seseorang yang menganjur, memujuk atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menggalak maksiat.

30. (1) Sesiapa yang memikat seseorang perempuan bersuami atau membawanya lari daripada atau dengan apa-apa cara mempengaruhinya supaya meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan itu kembali kepada suaminya.

Melarikan perempuan bersuami atau menghalang suami isteri daripada duduk bersama.

(2) Mana-mana orang yang menghalang pasangan suami isteri daripada duduk bersama sebagai suami isteri yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan suami isteri itu kembali duduk bersama sebagai suami isteri yang sah semula.

31. Sesiapa yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau mana-mana lelaki beristeri supaya bercerai atau mengikar kewajipan dan tanggungjawab di antara suami isteri adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri supaya bercerai atau ingkar.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

- Melarikan perempuan.**
- 32.** Sesiapa yang melarikan seseorang perempuan atau dengan apa-apa cara mempengaruhinya supaya lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang sesuai mengenai perempuan tersebut.
- Menjual atau memberi anak.**
- 33.** Seseorang ibu atau bapa atau penjaga yang didapati menjual, memberi atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya kepada seseorang yang bukan Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang sesuai mengenai anak tersebut.
- Anak dara lari daripada jagaan.**
- 34.** Seseorang anak dara atau thayyib yang lari daripada jagaan ibubapanya atau penjaganya yang sah tanpa sebab yang munasabah pada Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang sesuai mengenai anak dara atau thayyib tersebut.
- Mengganggu perhimpunan atau upacara agama.**
- 35.** Sesiapa yang dengan sengaja menyebabkan gangguan di mana-mana perhimpunan atau upacara agama adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- Membinas atau mencemar tempat ibadat.**
- 36.** Sesiapa yang membinasa, merosak, atau mencemarkan mana-mana tempat ibadat, masjid atau surau, atau apa-apa peralatannya, dengan niat hendak mencela atau mengeji Agama Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

JENAYAH (SYARIAH)

37. Sesiapa yang dengan sengaja mengeluar atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan Hukum Syara' yang mungkin boleh memecahkan keamanan di mana-mana tempat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kata-kata yang boleh memecah keamanan.

38. Mana-mana orang yang mendirikan masjid atau dengan jalan yang lain menggunakan sesbuah bangunan yang ada, sebagai atau bagi tujuan sebuah masjid tanpa kebenaran daripada Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh, tertakluk kepada hak pihak ketiga, memerintahkan orang yang bersalah itu merobohkan bangunan itu.

Mendirikan masjid tanpa kebenaran.

39. Mana-mana orang yang dengan tidak sepatutnya memberitahu atau menghebahkan apa-apa perkara, yang mana adalah kewajipannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk merahsiakannya, kepada mana-mana orang yang tidak berhak di sisi undang-undang untuk diberitahu perkara itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kerahsiaan.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

- | | |
|---|---|
| Membayar zakat atau fitrah secara tak sah. | <p>40. Sesiapa yang dengan sengaja membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa untuk memungut zakat atau fitrah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p> |
| Memungut zakat atau fitrah secara tak sah. | <p>41. Sesiapa yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan zakat atau fitrah dipungut tanpa diberi kuasa yang sah, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mahkamah hendaklah memerintah pungutan itu dirampas dan diserahkan kepada Baitulmal.</p> |
| Amil tidak menyerah pungutan. | <p>42. (1) Mana-mana orang yang dilantik menjadi Amil di bawah undang-undang yang berkuat kuasa yang tidak menyerahkan pungutan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan mengenainya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p> <p>(2) Sabitan di bawah seksyen ini hendaklah tidak berkuasa untuk menghapuskan liabiliti Amil tersebut kepada Baitulmal.</p> |
| Pungutan tanpa kebenaran. | <p>43. Sesiapa yang membuat apa-apa pungutan tanpa kerana khairat tanpa kebenaran Majlis atau berlawanan dengan apa-apa peruntukan undang-undang atau peraturan yang ditentukan mengenainya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua- duanya. Mahkamah boleh memerintahkan semua pungutan itu dirampas dan diserahkan kepada yang berhak atau kepada Baitulmal.</p> |

JENAYAH (SYARIAH)

44. Mana-mana orang yang diamanahkan untuk mengutip, menyimpan, menjaga, mengelola atau menyerahkan apa-apa wang atau harta daripada Baitulmal, derma orang ramai atau lain-lain perkara yang berkaitan dengan Agama Islam, yang tidak menyerahkan wang atau harta itu kepada yang berhak atau mungkir daripada menjelaskannya kepada yang ditentukan atau mungkir daripada membentangkan akaun yang sepatutnya kepada Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mahkamah boleh memerintahkan supaya jumlah wang atau harta itu diserahkan kepada yang berhak atau kepada Baitulmal.

**Salahguna
harta
Baitulmal
dll.**

BAHAGIAN VI

KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN MARUAH DIRI

45. (1) Seseorang lelaki atau perempuan yang melakukan persetubuhan atau kelakuan sumbang dengan seorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, di mana hubungan antara mereka adalah muabbad mengikut Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih daripada enam kali.

**Perhubungan
muabbad dan
ghairu
muabbad.**

(2) Seseorang lelaki atau perempuan yang melakukan persetubuhan atau kelakuan sumbang dengan seorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, di mana hubungan antara mereka adalah ghairu muabbad mengikut Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih daripada tiga kali.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

- Melacurkan diri.** **46.** Seseorang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- Melacurkan isteri atau anak.** **47.** (1) Seseorang suami yang melacurkan isterinya atau dengan sengaja membenarkan isterinya melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahandan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih daripada enam kali.
(2) Seseorang ibu atau bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya atau dengan sengaja membenarkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya itu melacurkan diri adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih daripada enam kali.
- Persetubuhan haram.** **48.** Sesiapa yang melakukan persetubuhan haram adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih daripada enam kali.
- Percubaan persetubuhan haram.** **49.** Sesiapa yang melakukan percubaan persetubuhan haram adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

JENAYAH (SYARIAH)

50. (1) Seseorang perempuan yang hamil atau melahirkan bayi di luar nikah akibat daripada persetubuhan haram yang dilakukan dengan kerelaannya dan kesedarannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Hamil luar nikah.

(2) Seseorang perempuan yang melahirkan seorang bayi yang penuh sifat dalam masa enam bulan selepas dia berkahwin hendaklah disifatkan sebagai telah hamil di luar nikah:

Dengan syarat beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuh dengan cara syubhah atau dia telah berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syara' adalah terletak ke atas perempuan itu.

51. (1) Sesiapa yang melakukan perbuatan bersekedudukan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Berseke-dudukan.

(2) Tidak menjadi kesalahan dibawah subseksyen (1) bagi lelaki dan perempuan tinggal atau duduk bersama jika dibenarkan Hukum Syara' dalam hal keadaan yang khusus atau terdesak.

52. Kecuali dalam hal li'an, seseorang yang menuduh mana-mana orang melakukan persetubuhan haram tanpa mengemukakan empat saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh mengikut Hukum Syara', adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Qazaf.

53. Seseorang perempuan yang dengan sengaja melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Musahaqah.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

- Khalwat.** **54.** (1) Seseorang lelaki yang didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih perempuan yang bukan isteri atau mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang terasing dalam hal keadaan yang boleh mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang perempuan yang didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih lelaki yang bukan suami atau mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang terasing dalam hal keadaan yang boleh mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- Lelaki berlagak seperti perempuan.** **55.** Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam bagi tujuan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- Mendedah kan tubuh di tempat awam.** **56.** Seseorang perempuan yang mendedahkan mana-mana bahagian tubuhnya yang menimbulkan ghairah di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- Perbuatan tak sopan.** **57.** Sesiapa melakukan perbuatan atau berkelakuan tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syara' di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

JENAYAH (SYARIAH)

58. Seseorang lelaki yang di tempat awam mengacau seorang perempuan, atau sebaliknya, dengan suatu perbuatan yang boleh menjatuhkan maruah perempuan atau lelaki itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Mengacau.

59. Sesiapa yang minum arak atau apa-apa minuman yang memabukkan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Minuman yang memabukkan.

60. Mana-mana orang yang membuat, menjual, menghadiah, memamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa arak atau minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Membuat, menjual, dsb., minuman yang memabukkan.

BAHAGIAN VII

PERKARA-PERKARA AM

61. Seseorang adalah bersabahat melakukan sesuatu perkara jika dia—

Menyuba-hati sesuatu perkara.

- (i) menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu; atau
- (ii) mengambil bahagian bersama dengan seorang atau beberapa orang lain dalam apa-apa pakatjahat bagi melakukan perkara itu, jika apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang berlaku pada menurut pakatjahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau
- (iii) dengan sengaja membantu melakukan perkara itu dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan, yang menyalahi undang-undang.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

Huraian 1-Seseorang yang, dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, atau pun cuba hendak menyebabkan atau mendapatkan, sesuatu perkara dilakukan dengan cara sengaja menyalahnyatakan atau sengaja menyembunyikan sesuatu fakta yang material yang dia berkewajipan menyatakan, adalah dikatakan menghasut supaya perkara itu dilakukan.

Huraian 2-Sesiapa yang melakukan apa-apa perkara sebelum atau pada waktu sesuatu perbuatan dilakukan, untuk menyenangkan perbuatan itu dilakukan dan dengan jalan demikian menyenangkan perbuatan itu dilakukan, adalah dikatakan membantu melakukan perbuatan itu.

Menyuba-hati dalam Negeri kesalahan di luar Negeri.

62. Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan mengikut pengertian Enakmen ini jika dia, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan menyubahati sesuatu perbuatan yang dilakukan di luar Negeri Perak Darul Ridzuan yang boleh menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Hukuman bagi pensuba-hatan.

63. Sesiapa yang menyubahati sesuatu kesalahan hendaklah, jika perbuatan yang disubahati dilakukan oleh sebab pensubahatan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Tanggung-jawab pensuba-hat bila perbuatan yang lain dilakukan.

64. Apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan, pensubahat itu turut bertanggungjawab kerana perbuatan yang dilakukan itu, sama seperti, dan setakat yang seolah-olah dia telah menyubahatinya secara terus:

Dengan syarat perbuatan yang dilakukan itu adalah kejadian yang semunasabahnya terbit daripada pensubahatan itu dan telah dilakukan di bawah pengaruh hasutan, atau dengan bantuan atau pada menurut pakatjahat yang menjadikan pensubahatan itu.

Percubaan melakukan kesalahan.

65. Sesiapa yang cuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau cuba menyebabkan kesalahan itu dilakukan, dan dalam percubaan itu membuat apa-apa perbuatan bagi melakukan kesalahan itu, hendaklah, jika tiada peruntukan yang nyata dibuat di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi hukuman percubaan itu, dihukum dengan hukuman yang ada diperuntukkan bagi kesalahan itu:

JENAYAH (SYARIAH)

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidaklah boleh lebih daripada setengah daripada tempoh maximum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

66. (1) Tanpa menyentuh peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Mahkamah boleh mengenakan hukuman ke atas seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Hukum Syara' yang tidak diperuntukkan oleh Enakmen ini dan, apabila disabitkan, orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan yang tidak ditetapkan atau yang baginya tidak diperuntukkan hukuman.

(2) Mana-mana orang yang bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap mana-mana undang-undang, kaedah atau peraturan yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, jika tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata baginya boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

67. Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 13, 15, 21, 22, 27, 39, 44 dan 52 Enakmen ini boleh dimulakan melainkan dengan sanksi terlebih dahulu daripada Ketua Pendakwa Syarie dan tiada pendakwaan bagi kesalahan dibawah seksyen-seksyen 9, 10, 28, 36 dan 38 boleh dimulakan tanpa kebenaran Majlis.

Sanksi dan kebenaran mendakwa.

68. (1) Bahagian ke IX Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1965 adalah dengan mula berkuat kuasanya Enakmen ini dimansuhkan dan hendaklah terhenti daripada dipakai di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Pemansuhan.

(2) Pemansuhan yang tersebut di atas hendaklah tidak menyentuh penjalanan apa-apa prosiding atau pendakwaan ke atas kesalahan-kesalahannya yang dilakukan sebelum mula berkuat kuasanya Enakmen ini yang dimulakan di bawah Bahagian yang dimansuhkan itu.

PERAK BIL. 3 TAHUN 1992

(3) Pemansuhan yang tersebut di atas juga tidak akan menyentuh penjalanan Enakmen yang dimansuhkan ke atas apa-apa perkara yang dilakukan atau tertanggung di bawahnya atau apa-apa hak, keistimewaan, kewajipan atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau berlaku di bawahnya.

Diluluskan pada 13hb Oktober 1992.
[PSUK. Pk. 32818; PU. Pk. 2/89.]

SHARAIDIN BIN TAKIN,
*Setiausaha,
Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,
Perak*